

D272

B B581 AAB
PARLIMEN - MAHATHIR R'R'R'R'

KUALA LUMPUR, 17 MAC (BERNAMA) -- PERLEMBAGAAN NEGARA DIPINDA BAGI MENJELASKAN LAGI KEDUDUKAN MAHKAMAH KHUSUSNYA BATASAN ANTARA BIDANG KEHAKIMAN DAN BIDANG EKSEKUTIF ATAU PERUNDANGAN, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

SEMASA BERUCAP MEMBENTANGKAN RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) UNTUK BACAAN KALI KEDUA DI DEWAN RAKYAT, BELIAU BERKATA PINDAAN BERKENAAN PENTING SUPAYA PIHAK EKSEKUTIF, PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN DAPAT MENUNAIKAN TANGGUNGJAWAB MASING-MASING TANPA MENGANGGU ATAU DIGANGGU OLEH PIHAK LAIN.

KATANYA DALAM UCAPAN SELAMA KIRA-KIRA SATU JAM ITU, KEBELAKANGAN INI TERDAPAT TANDA-TANDA BAHAWA PERKARA-PERKARA YANG DISANGKA MERUPAKAN KUASA EKSEKUTIF SEMATA-MATA TELAH DIANGGAP SEBAGAI BOLEH DISENTUH OLEH PIHAK KEHAKIMAN.

+JIKA BIDANG TUGAS SATU PIHAK DAPAT DIGANGGU OLEH PIHAK LAIN, PENTADBIRAN NEGARA AKAN TERANCAM DAN AKAN MENJADI LEMAH, DAN PENTADBIRAN YANG LEMAH TIDAK DAPAT MENJAMIN KESTABILAN DAN KESEJAHTERAAN DALAM SESUATU NEGARA,+ TEGASNYA.

MENURUT BELIAU OLEH YANG DEMIKIAN PINDAAN KEPADA PERLEMBAGAAN INI PERLU KERANA RAKYAT, PENDUDUK MALAYSIA SERTA JUGA KERAJAAN BERHAK MENGETAHUI DENGAN JELAS APA YANG SALAH DAN APAKAH YANG TIDAK SALAH DARIPADA SEGI UNDANG-UNDANG NEGARA. -- LAGI
1712MST 17 03 88

D273

B B583 AAB
PARLIMEN - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR R'R'R'R'

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA ADALAH SUKAR BAGI SESIAPA UNTUK MEMBUAT SESUATU JIKA IA TIDAK TAHU SAMA ADA PERBUATANNYA SALAH ATAU TIDAK KERANA UNDANG-UNDANG YANG TERTULIS BOLEH DIKETEPIKAN.

MUNGKIN IA BERTINDAK KERANA IA BERFIKIR APA YANG DIBUAT TIDAK MELANGGAR APA-APA UNDANG-UNDANG DAN ALANGKAH MALANG BAGINYA JIKA TIBA-TIBA IA DIDAKWA DAN MAHKAMAH MEMUTUSKAN KESNYA MENGIKUT BUDI BICARA MAHKAMAH TANPA MENGAMBILKIRA UNDANG-UNDANG YANG SEDIA ADA, KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA MAHKAMAH BOLEH MEMBUAT KEPUTUSAN DENGAN MEMBUAT BANDINGAN DENGAN KES DI NEGARA LAIN YANG TIDAK DIKETAHUI UMUM, BAHKAN KADANG-KADANG TIDAK PUN DIKETAHUI OLEH PEGUAM YANG MUNGKIN MEMBERI NASIHAT KEPADA PIHAK YANG DIDAKWA.

+ SEBAB ITULAH BIASA TERJADI DI MANA MAHKAMAH MEMBUAT KEPUTUSAN BERLAINAN TERHADAP DUA KES YANG SAMA LATARBELAKANGNYA.

+ SEBAB ITU JUGA KES YANG DAHULU TIDAK PERNAH DISOAL OLEH MAHKAMAH KERANA MEMATUHI PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG, TIBA-TIBA DISOAL DAN DIDAPATI SALAH BERASASKAN NATURAL JUSTICE ATAU JUDICIAL REVIEW YANG TIDAK BERTULIS,+ TEGASNYA. -- LAGI
1714MST 17 03 88

B 8588 AAB
PARLIMEN - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR R'R'R'R'

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PINDAAN YANG DIMAKSUDKAN MELIBATKAN PERKARA 121 YANG MELETAKHAK KUASA KEHAKIMAN PERSEKUTUAN KEPADA MAHKAMAH TINGGI DAN MAHKAMAH-MAHKAMAH RENDAH. IA JUGA MELETAKHAK DENGAN KUASA TERTENTU PADA MAHKAMAH AGUNG.

PINDAAN MENCADANGKAN SUPAYA PERKARA 121 DIPINDA DENGAN MENGHAPUSKAN PERUNTUKAN TENTANG MELETAKHAK KUASA-KUASA KEHAKIMAN PADA MAHKAMAH-MAHKAMAH DAN MASUKKAN PADA FASAL (1) PERKARA ITU PERUNTUKAN YANG MENYATAKAN MAHKAMAH TINGGI DENGAN MEMPUYAI BIDANG KUASA DAN KUASA-KUASA SEBAGAIMANA YANG DIBERI OLEH ATAU DI BAWAH UNDANG-UNDANG PERSEKUTUAN.

DENGAN INI, PERKARA ITU TIDAK LAGI AKAN MEMBERI PENEKANAN PADA MELETAKHAK KUASA KEHAKIMAN PERSEKUTUAN PADA MAHKAMAH-MAHKAMAH TETAPI AKAN HANYA MEMPERKATAKAN TENTANG JENIS-JENIS MAHKAMAH DAN BIDANGKUASA SERTA KUASA-KUASANYA, KATA BELIAU.

KATANYA PADA MASA INI BATASAN ANTARA BIDANG KEHAKIMAN DAN BIDANG EKSEKUTIF ATAU PERUNDANGAN ADALAH SAMAR-SAMAR DENGAN ADANYA PERUNTUKAN TENTANG MELETAKHAK KUASA KEHAKIMAN PERSEKUTUAN ITU.

BELIAU BERKATA PENGGUNAAN BRITISH COMMON LAW SECARA TIDAK TERHAD TANPA MENGAMBILKIRA KEBUDAYAAN DAN PERADABAN BERLAINAN ANTARA BRITAIN DAN MALAYSIA; PENGGUNAAN HAK MAHKAMAH YANG TIDAK BERTULIS DAN LAIN-LAIN MENJADIKAN UNDANG-UNDANG YANG BERTULIS TIDAK BERGUNA LAGI DAN ORANG AWAM SERTA KERAJAAN TIDAK LAGI BOLEH BERPANDUKAN KEPADA UNDANG-UNDANG APABILA BERTINDAK. -- LAGI

1732MST 17 03 88

B 8590 AAB
PARLIMEN - MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR R'R'R'R'

DATUK SERI DR MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA DI BRITAIN, PARLIMEN MEMPUYAI KUASA TERTINGGI, PERLEMBAGAANNYA TIDAK BERTULIS DAN TIDAK BERKUASA LEBIH DARI PARLIMEN DAN PARLIMEN JUGA DAPAT MEMBUAT KEPUTUSAN MUKTAMAD MENGENAI SESUATU.

PIHAK LAIN PULA, TAMBAHNYA, PERLU MENERIMA KEPUTUSAN PARLIMEN ITU DAN TIDAK MEMBUAT INTERPRETASI BERLAINAN DARIPADA PARLIMEN.

DI MALAYSIA PULA, PERLEMBAGAAN YANG BERTULIS DIPERSETUJUI DIJADIKAN SUMBER UNDANG-UNDANG DAN KUASA TERTINGGI SEKALI TETAPI INTEPRETASI SEMUA UNDANG-UNDANG DAN PERLEMBAGAAN DISERAHKAN KEPADA MAHKAMAH TANPA TERHAD, TAMBAHNYA.

+INI BERMAKNA BAHAWA SEBENARNYA PERLEMBAGAAN BERTULIS TERTAKLUK KEPADA BUDIBICARA KEHAKIMAN YANG KADANG-KADANG BERTUKAR DAN BERBEZA ANTARA SATU HAKIM DENGAN HAKIM LAIN DAN INI TELAH BERLAKU DALAM KES BIDANG KUASA KERAJAAN DAN HAK MENTERI BERKENAAN MENGENAI SOAL KESELAMATAN,+ JELASNYA.

MENURUTNYA DENGAN KUASA MEMBUAT INTEPRETASI INI, MAHKAMAH BOLEH DAN TELAH PUN MEMBUAT INTEPRETASI YANG LARI JAUH DARIPADA MAKSUD DAN SEMANGAT SESUATU UNDANG-UNDANG ITU DIGUBAL. -- LAGI

1742MST 17 03 88

B B592 AAB
PARLIMEN - MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR R'R'R'R'

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MAHKAMAH TELAH MEMBUAT KEPUTUSAN BAHAWA DALAM MENGUATKUASAKAN UNDANG-UNDANG, MEREKA TIDAK TERIKAT DENGAN TUJUAN DAN MAKSUD UNDANG-UNDANG ITU DIGUBAL OLEH PARLIMEN. MEREKA MEMBUAT DASAR SENDIRI BAHAWA MEREKA HANYA TERIKAT DENGAN INTEPRETASI MEREKA TERHADAP AYAT-AYAT YANG DIDAPATI DALAM UNDANG-UNDANG.

+BIASA TERJADI DI MANA UNDANG-UNDANG YANG BEGITU JELAS SEHINGGA TIDAK SESIAPA YANG BOLEH KELIRU, TETAPI ADA MAHKAMAH YANG MASIH JUGA MEMBUAT TAFSIRAN BERLAINAN ATAU MENGENEPIKAN SAMA SEKALI UNDANG-UNDANG BERKENAAN,+ KATANYA.

MENURUTNYA ADA PULA MAHKAMAH YANG MEMBELAKANGKAN UNDANG-UNDANG YANG BERTULIS KERANA LEBIH MENGUTAMAKAN KEPUTUSAN KES DI BRITAIN DAN LAIN-LAIN NEGARA.

+MALAYSIA BUKAN BRITAIN, KEBUDAYAAN DAN TAMADDUN BRITAIN BERBEZA DENGAN KETARA DENGAN KEBUDAYAAN DAN TAMADUN MASYARAKAT BERBILANG KAUM DAN AGAMA DI MALAYSIA,+ KATANYA. -- LAGI
1746MST 17 03 88

D303

B B599 AAB
PARLIMEN - MAHATHIR 6 KUALA LUMPUR R'R'R'R'

PERDANA MENTERI BERKATA DALAM MENERIMA DEMOKRASI +KITA TIDAK PERLU TERIMA SEMUA YANG DIANGGAP DEMOKRATIK OLEH ORANG BARAT.+ KATANYA DALAM DEMOKRASI NEGARA, RAKYAT BERKUASA DAN SESEORANG INDIVIDU WALAU APA JAWATANNYA TIDAK BERHAK MENGENEPIKAN KEHENDAK RAKYAT DAN SATU GOLONGAN ELIT TIDAK BERHAK MENGHALANG KEHENDAK RAKYAT KERANA GOLONGAN ELIT INI MEMIKIRKAN MEREKA ARIF DARIPADA RAKYAT.

SEBAB ITU, TAMBAHNYA, UNDANG-UNDANG YANG DIBENTUK OLEH WAKIL RAKYAT MESTI DIHORMATI DAN SESIAPA YANG MEMBELAKANGKAN UNDANG-UNDANG YANG DIBUAT OLEH KERAJAAN PILIHAN RAKYAT, IA MENCABUL DEMOKRASI, KATA BELIAU.

WALAU BAGAIMANA PUN, SISTEM DEMOKRASI MALAYSIA MEMBERI PELUANG KEPADA PIHAK KEHAKIMAN DAN PERKHIDMATAN AWAM YANG KEKAL UNTUK MENEGUR WAKIL RAKYAT IAITU KERAJAAN TETAPI KUASA MENEGUR DAN MENGAWAL KERAJAAN INI TIDAK BERMAKNA ANUGERAHAN KUASA MENIDAKKAN HAK RAKYAT DAN WAKIL MEREKA, JELASNYA.

+JIKA WAKIL RAKYAT DAN KERAJAAN MENYELEWENG, MEREKA BOLEH DIHUKUM. SEJARAH MENUNJÜKKAN KERAJAAN MEMATUHI KEPUTUSAN MAHKAMAH DAN ADA YANG DISINGKIR DARIPADA KABINET KERANA MENYALAHAI UNDANG-UNDANG TETAPI MAHKAMAH JUGA PERLU PATUH KEPADA UNDANG-UNDANG,+ TEGASNYA. -- BERNAMA
1814MST 17 03 88